

# Tangani kes *Phone Scam*

Oleh NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

**L**APORAN eksklusif *Mingguan Malaysia* mendedahkan dalam tempoh empat tahun beroperasi sehingga kini sebanyak 2,258 kes penipuan sindiket *Phone Scam* telah dicatatkan yang membabitkan kerugian RM55.3 juta.

Ironinya dilaporkan dengan hanya menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) dan membuat panggilan telefon secara rambang, sebanyak RM300,000 hingga RM1 juta duit rakyat Malaysia berjaya ditipu dalam tempoh sebulan oleh sindiket yang beroperasi di luar negara itu. Ini adalah satu pendedahan yang cukup merisaukan dan membimbangkan kita.

Apa yang menghairankan kita, walaupun pihak berkuasa terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) berulang kali memberi peringatan dan amaran mengenai kes penipuan *Phone Scam* yang mirip *Macau Scam* melalui pelbagai media, namun semua itu seolah-olah tidak dijadikan iktibar dan apa yang menyedihkan ialah rakyat kita terus menjadi mangsa sindiket terancang ini.

Persoalannya, kenapa kita masih tidak mampu melepaskan diri daripada unsur penipuan seperti ini? Apakah rakyat kita masih belum mampu memahami dan membezakan antara urusan dan transaksi yang betul dan salah. Pihak berkuasa juga sudah berulang kali mendedahkan modus operandi sindiket ini namun kita tetap terpedaya dan terus menjadi mangsa.

Menurut Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner, Mohd. Kamarudin Md. Din berkaitan modus operandi sindiket ini, kebiasaannya terdapat lebih 10 ahli sindiket akan memainkan peranan sebagai pegawai bank dan pegawai bank negara yang membuat panggilan di setiap calling centre.

Anggota sindiket yang turut menyamar sebagai pegawai mahkamah, pegawai polis dan pegawai Lembaga Hasil Dalam



**PENGGUNA** perlu tegas mengatakan tidak kepada mana-mana individu yang membuat panggilan bagi mendapatkan maklumat peribadi ataupun meminta untuk memindahkan wang ke akaun pihak ketiga yang tidak dikenali. - GAMBAR HIASAN

Negeri (LHDN) membuat panggilan kepada mangsa mendakwa akaun mereka akan dibekukan kerana terdapat masalah berkaitan kad kredit. Juga dimaklumkan walaupun setengah mangsa menyatakan tidak pernah memiliki atau memohon kad tersebut, anggota sindiket akan meyakinkan mangsa kononnya ada pihak lain yang menggunakan nama mereka bagi tujuan itu. Sindiket turut mendakwa jika mangsa tidak mahu akaun mereka dibekukan, kesemua wang perlu dipindahkan ke satu akaun yang telah ditetapkan.

Tambah Mohd. Kamarudin, anggota sindiket yang menyamar akan disediakan teks-teks perbualan untuk dihafal serta mengikut langkah-langkah yang perlu supaya perlakuan mereka selaras dengan situasi sebenar dalam bank. Sudah terang lagi bersuluh. Inilah kaedah gerak kerja dan modus operandi yang biasa sindiket ini gunakan untuk menipu dan memperdaya mangsa mereka yang dipilih secara rambang.

Hakikatnya walaupun pendedahan demi pendedahan, amaran dan nasihat diberikan ternyata umpama

mencurahkan air di daun keladi kerana isu ini tetap semakin menular dan membimbangkan malah sudah boleh dikategorikan menuju peringkat yang memudaratkan. Malah penulis kluatir kesannya kelak boleh mendorong mangsa menjadi murung, sakit jiwa mahupun bertindak sehingga bunuh diri. Ini kerana ia membabitkan kehilangan dan kerugian jumlah wang yang sangat besar.

Mengikut rekod pihak polis, kesemua mangsa yang membuat laporan memberitahu diperdaya ahli sindiket yang menyamar sebagai pegawai bank. Ini membuktikan rakyat kita masih kurang peka, cuai dan ambil mudah isu penipuan seperti ini. Kita perlu sedar betapa tanggungjawab untuk menangani isu ini terletak pada diri kita sendiri. Hanya kita yang mampu mengelak daripada terus terpedaya dengan kumpulan penjenayah ini.

Penulis ingin mengesyorkan kepada masyarakat agar lebih berhati-hati dan bertindak dengan bijak supaya tidak terkena dan menjadi mangsa penipuan *Phone Scam* yang seterusnya. Cukuplah apa yang telah berlaku. Kita wajar bertindak

dengan segera untuk menghentikan jenayah ini.

Mengikut pakar, antara langkah pertama yang boleh kita ambil, pengguna perlu bijak, berani dan tegas untuk mengatakan 'tidak' kepada mana-mana individu yang membuat panggilan untuk mendapatkan maklumat peribadi seperti kata laluan ataupun meminta untuk memindahkan wang ke akaun ketiga yang tidak dikenali. Langkah ini cukup penting kerana tindakan kita mendedahkan maklumat peribadi boleh menyebabkan sindiket ini dengan mudah mengakses akaun kita dan mengeluarkan wang tanpa pengetahuan kita sendiri.

Dalam pada itu, kita juga wajar memberi perhatian kepada aspek kemudahan Internet yang biasa kita gunakan untuk segala urusan kewangan. Seboleh-bolehnya kita wajar mengelak untuk menggunakan kemudahan WiFi di tempat-tempat awam untuk melakukan urusan transaksi perbankan dalam talian. Ini kerana ini akan lebih mudah mendedahkan diri kita menjadi mangsa penipuan pihak penggodam tidak bertanggungjawab. Adalah lebih selamat untuk menggunakan talian dan kemudahan Internet kita sendiri yang lebih terjamin dan selamat.

Apapun nasihat yang diberikan baik oleh pihak berkuasa mahupun pakar yang berkaitan, semuanya terletak pada individu pengguna itu sendiri. Adakah kita sudah cukup peka dan sensitif dengan sindiket penipuan seperti ini. Penularan kes seumpama ini yang dilihat meningkat secara mendadak sejak empat tahun lalu membuktikan betapa rakyat kita masih leka dan mudah terpedaya.

Justeru, besarlah harapan kita agar di samping pihak berkuasa terus bertindak membanteras kegiatan licik sindiket ini, kita juga mahukan masyarakat memainkan peranan yang sewajarnya untuk menangani kes penipuan *Phone Scam* ini. Bertindaklah dengan bijak sebelum nasi menjadi bubur.

**PENULIS** adalah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.